

PROSIDING **SEMINAR** **KEBANGSAAN** **SAINS, TEKNOLOGI & SAINS SOSIAL**

27 ~ 28 MEI 2002

HOTEL VISTANA, KUANTAN, PAHANG

Anjuran :



Universiti Teknologi MARA
Cawangan Pahang

Dengan Kerjasama



Kerajaan
Negeri Pahang Darul Makmur

JILID 1



DAFTAR KATA ISTILAH PENGAJIAN TERJEMAHAN: MASALAH DAN CADANGAN

INTAN SAFINAZ ZAINUDIN & NOR ZAKIAH ABDUL HAMID.

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

ABSTRAK

Pengajian terjemahan sebagai satu disiplin ilmu berkembang pesat di beberapa buah institusi pengajian tinggi di Malaysia seperti di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). UKM menawarkan kursus-kursus terjemahan untuk program diploma pasca siswazah, minor terjemahan dan kursus-kursus elektif. Walau bagaimanapun, bahan rujukan ilmu terjemahan dalam bahasa Melayu begitu terhad dan sukar diperolehi dibandingkan dengan buku rujukan pengajian terjemahan dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, tenaga pengajar terpaksa menterjemahkan sendiri nota-nota kuliah kerana penilaian harus dijalankan dalam bahasa Melayu. Terjemahan sukar dilakukan disebabkan oleh ketiadaan daftar kata istilah pengajian terjemahan yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka atau mana-mana syarikat penerbitan. Justeru itu kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan masalah-masalah yang timbul disebabkan oleh ketiadaan daftar kata istilah khusus pengajian terjemahan dalam bahasa Melayu. Kertas ini juga mencadangkan satu prototaip daftar kata istilah khusus pengajian terjemahan supaya dapat membantu menterjemahkan buku-buku rujukan terjemahan. Daftar kata istilah ini telah dihasilkan daripada satu kajian awal berdasarkan korpus yang telah dipilih.

Kata kunci: daftar kata istilah, pengajian terjemahan

PENGENALAN

Pengajian terjemahan merupakan bidang ilmu yang meledak popularitinya di Eropah dalam abad ke-20 yang terakhir ini, lebih-lebih lagi dalam tahun 90an. Ramai sarjana dari Eropah dan Amerika yang mengemukakan pelbagai teori dan pendekatan moden dalam pengajian terjemahan dan bidang ini dilihat sebagai disiplin baru yang independen daripada bidang kajian linguistik. Walaupun pengajian terjemahan agak baru sebagai satu disiplin ilmu, namun aktiviti terjemahan sebenarnya sudah lama bertapak di Malaysia malah semenjak dari zaman pramoden lagi. Banyak hikayat dari India dan Semenanjung Arab yang telah diterjemah ke dalam bahasa Melayu contohnya *Hikayat Seri Rama*, *Hikayat Amir Hamzah* dan *Hikayat Iskandar Dhu'l Karnain*. Usaha menterjemah kitab-kitab agama juga banyak dilakukan oleh para pendita tersohor seperti Hamzah Fansuri, Shamsudin al-Raniri dan Sheikh Daud al-Fatani dan kitab-kitab tersebut masih digunakan hingga sekarang seperti *Hidayatul Salikin* dan *Matlaul Badrain* (Kassim Ahmad 1991: 119).

Di Malaysia, pengajian terjemahan merupakan satu bidang ilmu yang semakin popular, seperti wujudnya program sarjana muda dan program pasca siswazah di universiti-universiti tempatan. Malah, badan kerajaan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan syarikat swasta seperti Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) juga mengelolakan kursus-kursus diploma dan sijil terjemahan dan interpretasi. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) merupakan salah satu universiti di negara ini yang menawarkan kursus-kursus terjemahan di peringkat elektif dan minor untuk pra-siswazah dan juga program Diploma Siswazah dalam pengajian terjemahan.

Masalah: Untuk membolehkan pengajian terjemahan berkembang sebagai satu disiplin ilmu, buku-buku rujukan bidang ini dalam bahasa Melayu perlu ada dan mudah untuk diperolehi di perpustakaan mahupun di kedai buku. Antara lain, rujukan tentang teori terjemahan, prinsip dan kaedah terjemahan, serta kajian-kajian dalam bidang lain yang berkaitan seperti linguistik, sastera dan budaya perlu diterbitkan di Malaysia untuk kegunaan di peringkat pengajian tinggi. Masalah kekurangan buku rujukan dalam bahasa Melayu telah menyebabkan tenaga pengajar kursus-kursus terjemahan di UKM menterjemahkan sendiri nota-nota kuliah yang diambil daripada buku rujukan bahasa Inggeris. Buku-buku rujukan dalam bidang terjemahan di universiti banyak bergantung kepada buku-buku teks dari United Kingdom, Eropah dan Amerika dalam bahasa Inggeris. Oleh kerana kerja-kerja terjemahan harus dilakukan, masalah seterusnya yang timbul berkaitan dengan penggunaan istilah-istilah pengajian terjemahan dalam bahasa Melayu.

Masalah besar yang dihadapi oleh tenaga pengajar ialah ketiadaan rujukan peristilahan dalam bidang terjemahan yang khusus. Seperti yang dinyatakan oleh Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Malaysia (PUI 1975) istilah ditakrifkan sebagai 'kata atau gabungan kata yang dengan jelas menerangkan makna, konsep, proses, keadaan, atau ciri-ciri khusus dalam bidang tertentu' (Othman Ismail 1992:113). Tenaga pengajar menterjemahkan istilah-istilah ini berdasarkan pemahaman dan kebiasaan penggunaan, bukannya berpandukan buku istilah khusus yang diterbitkan oleh penggubal istilah. Pensyarah universiti juga bergantung kepada PUI dalam menterjemah istilah.

PUI ialah hasil usaha Majlis Bahasa Indonesia Malaysia (MBIM) untuk membantu pembentukan istilah untuk bahasa Melayu dan bahasa Indonesia. Dengan terbitnya pedoman ini pada tahun 1975, semua Jawatan kuasa Istilah (JKI) di DBP dan institusi pengajian tinggi menggunakan PUI sebagai panduan dasar untuk menggubal istilah. Antara peraturan umum PUI bagi mencipta istilah ialah:

- a) Istilah berbeza dengan tatanama, istilah membawa makna, konsep, proses, keadaan atau sifat sesuatu ilmu, berbeza dengan tatanama yang hanya melibatkan kumpulan nama dalam ilmu tertentu.
- b) Istilah yang dibentuk ini perlulah mengutamakan sumber bahasa Melayu dan kata serumpun.
- c) Peminjaman hanya dilakukan sebagai pilihan terakhir. Proses pembentukan kata, unsur pembentukan kata juga perlu mengutamakan proses dan unsur dalam bahasa Melayu itu sendiri.
- d) Erti istilah perlulah tepat dan tidak boleh mempunyai konotasi buruk. Segala aspek semantik juga perlu diambil kira.
- e) Dari segi perlambangan dan penulisan, istilah hendaklah mematuhi amalan antarabangsa, dan penulisannya juga mengutamakan bentuk visual supaya istilah yang dibentuk tidak terlalu jauh menyimpang daripada istilah asal dari segi ejaannya (sekiranya dipinjam) dan konsepnya.
- f) Sekiranya mana-mana bidang yang mendapati pedoman umum ini tidak mencukupi, bolehlah membentuk pedoman tambahan, dengan restu Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu (JKTBM) (Abdullah Hassan 1992:321).

Abdullah Hassan (1992:322) telah mengenalpasti sebanyak sepuluh pengelompokan bidang am untuk tujuan pembentukan istilah dan perkamusan. Bidang-bidang tersebut ialah: media, falsafah, agama islam, sains sosial, bahasa, sains asas, teknologi, kesenian, kesusasteraan dan geografi dan sejarah. Bidang bahasa hanya menyenaraikan bidang khusus perkamusan, penulisan dan percakapan, kebahasaan, etimologi dan linguistik. Bidang terjemahan tidak jelas disenaraikan dalam pengelompokan bidang bahasa. DBP sebagai badan kerajaan yang bertanggungjawab dalam pembentukan istilah tidak menerbitkan daftar kata istilah dalam bidang terjemahan. Ini menyukarkan kerja-kerja pengajaran, rujukan dan terjemahan teks akademik kerana terdapat banyak istilah bahasa Inggeris yang sukar untuk dicari padanannya dan tiada padanan standard yang dihasilkan oleh DBP.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa teks akademik dalam bidang pengajian terjemahan yang telah diterjemah dan diterbitkan oleh DBP contohnya *Approaches to Translation* (1982) oleh Peter Newmark yang diterjemahkan sebagai *Pendekatan Penterjemahan*, *Linguistic Theory in Translation* (Catford 1965) diterjemahkan kepada *Teori Linguistik bagi Penterjemahan* dan *Panduan Penterjemah* yang diterjemahkan daripada *The Translator's Handbook* (disunting oleh Catriona Picken 1983). Namun, buku-buku rujukan seumpama ini amat kurang sekali di negara kita, sama ada dalam bahasa Inggeris mahupun yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Jika ada sekali pun, teks-teks tersebut telah diterbitkan lebih kurang dua dekad yang lalu seperti contoh-contoh di atas. Tentunya kita tidak mahu menyampaikan ilmu yang diutarakan lebih daripada 20 tahun yang lalu kepada para pelajar. Banyak teori dan pendapat terkini dan inovatif dihasilkan oleh sarjana-sarjana pengajian terjemahan Eropah dan Amerika yang perlu disampaikan kepada pelajar-pelajar universiti. Ilmu-ilmu sebegini penting untuk percambahan idea-idea baru sesuai dengan peranan penterjemahan sebagai wahana dalam pemindahan ilmu. Teks-teks akademik hasil penulisan sarjana-sarjana terjemahan seperti Mona Baker, Basil Hatim, Hans Vermeer dan Lawrence Venuti harus diterjemahkan dan proses terjemahan teks-teks akademik ini dapat dipercepatkan dengan wujudnya daftar kata istilah dalam bidang terjemahan.

Seperti yang dibincangkan di atas, terjemahan teks dalam bidang pengajian terjemahan sukar dilakukan kerana ketiadaan daftar kata istilah pengajian terjemahan yang diterbitkan oleh DBP atau mana-mana syarikat penerbitan yang boleh dijadikan rujukan atau pedoman. Kertas ini seterusnya memilih korpus yang sesuai untuk mencadangkan satu prototaip daftar kata istilah khusus pengajian terjemahan dan melihat masalah lain yang timbul oleh kerana ketiadaan daftar kata istilah tersebut. Cadangan untuk daftar kata istilah ini telah dihasilkan daripada satu kajian awal yang sedang dijalankan.

DATA DAN METODOLOGI

Korpus yang dipilih ialah teks sumber *Approaches to Translation* oleh Peter Newmark dan teks terjemahannya ialah *Pendekatan Penterjemahan* terbitan DBP. Penterjemah-penterjemah teks ialah Zainab Ahmad dan Zaiton Ab. Rahman. Teks sumber dipilih kerana penulisnya Peter Newmark merupakan seorang sarjana terjemahan yang terkenal dan teks ini membincangkan teori-teori dan kaedah-kaedah terjemahan yang komprehensif. Teks ini juga kerap dijadikan rujukan bagi pelajar dan para penyelidik.

Kedua-dua teks dibandingkan menggunakan teknik perbandingan teks selari. Kemudian, istilah-istilah dalam bidang terjemahan dikenal pasti dan disenaraikan. Terjemahan istilah-istilah kemudian dikenal pasti. Senarai istilah asal dan terjemahannya disenaraikan untuk prototaip daftar kata istilah khusus pengajian terjemahan (lihat Lampiran 1). Senarai istilah yang dikumpulkan ini seterusnya dikaji dan terdapat dua isu yang timbul akibat tiadanya daftar kata istilah khusus pengajian terjemahan yang boleh dijadikan rujukan dan panduan. Isu-isu tersebut dibincangkan dalam dapatan dan perbincangan kajian awal ini.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian awal ini mendapati dua isu penting timbul akibat tiadanya daftar kata istilah khusus bagi pengajian terjemahan. Pertama, istilah-istilah yang digunakan oleh penterjemah agak berbeza dengan istilah-istilah yang diterima pakai oleh tenaga pengajar dan pelajar UKM. Kedua, istilah-istilah yang digunakan dalam teks terjemahan tidak konsisten penggunaannya.

Perbezaan istilah yang digunakan oleh penterjemah dan tenaga pengajar UKM: Walaupun tenaga pengajar dapat memenuhi syarat untuk menjadi penterjemah yang baik sebagaimana yang digariskan oleh Ainon Mohd & Abdullah Hassan (2001: 41) iaitu; (1) mengetahui bahasa sumber, (2) mengetahui bahasa penerima, (3) berpengetahuan dalam bidang yang diterjemah, (4) mengetahui teori dan amalan terjemahan; ini tidak bermakna terjemahan dapat dilakukan tanpa sebarang kesulitan (Wan Muhamad Saridan Wan Hassan & Rio Sumarni Shariffuddin 1991: 129). Masalah tetap timbul disebabkan oleh istilah-istilah khusus bidang terjemahan. Pensyarah universiti menterjemahkan istilah-istilah khusus ini berdasarkan kepada pemahaman dan kebiasaan penggunaan, tanpa berpandukan sebarang buku istilah khusus yang diterbitkan oleh penggubal istilah. Dengan demikian berlaku ketidak selarasan dalam penggunaan istilah-istilah tertentu, contohnya penggunaan istilah di antara tenaga pengajar UKM dengan penterjemah teks akademik yang dipilih. Jadual 2 menunjukkan beberapa contoh istilah bahasa Melayu yang biasa digunakan oleh tenaga pengajar di UKM dan istilah yang digunakan oleh penterjemah dalam menterjemahkan teks sumber. Contohnya, istilah bahasa Inggeris *modulation* biasa digunakan sebagai *modulasi* dalam pengajaran di universiti tetapi penterjemah teks menggunakan istilah *pengubahan sedikit sebanyak*. Tenaga pengajar menggunakan teknik pinjaman manakala penterjemah teks sasaran menggunakan teknik terjemahan semantik atau pemindahan makna.

Jadual 1: Perbezaan istilah yang digunakan oleh penterjemah dan tenaga akademik UKM

Istilah dalam Teks Sumber	Istilah terjemahan Teks Sasaran	Istilah yang digunakan oleh tenaga pengajar UKM
literal translation	terjemahan harfiah	terjemahan literal
translation procedures	tatacara terjemahan	prosedur terjemahan
transposition	penyusunan semula/penyongsangan	transposisi
modulation	pengubahan sedikit sebanyak	modulasi
adaptation	penyesuaian	adaptasi
compensation	maklumat tambahan	ganti rugi
transliteration	alih huruf	transliterasi
equivalence	padanan/kesepadanan	penyamaan

Penggunaan istilah tidak konsisten dalam teks terjemahan: Selain daripada itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat juga beberapa istilah yang tidak konsisten telah digunakan dalam teks terjemahan tersebut. Contohnya istilah '*through translation*' telah diterjemahkan sebagai *terjemahan terus* dalam bab 2 manakala bagi bab 9 istilah yang sama diterjemahkan kepada *pinjaman terjemahan*. Contoh-contoh lain penggunaan istilah yang tidak konsisten dalam teks terjemahan dapat dilihat dalam Jadual 3 di bawah. Istilah-istilah yang tidak selaras ini boleh menimbulkan kekeliruan di kalangan para pelajar dan

menyukarkan mereka semasa membuat rujukan sama ada untuk tujuan peperiksaan ataupun penulisan kertas projek. Masalah penggunaan istilah yang tidak konsisten di antara tenaga pengajar dengan penterjemah dan juga istilah yang berlainan dalam teks terjemahan mungkin akan dapat diatasi dengan terbitnya daftar kata istilah bidang pengajian terjemahan yang boleh dijadikan sebagai satu kerangka rujukan.

Jadual 2: Istilah yang tidak konsisten dalam teks terjemahan

Istilah dalam Teks Sumber	Terjemahan 1	Terjemahan 2
equivalence	padanan	kesepadanan
translation	terjemahan	penterjemahan
loss of meaning	kehilangan makna	penghilangan makna
dynamic equivalence	kesepadanan dinamik	terjemahan semulajadi
informative	bermaklumat	informatif
through translation	pinjaman terjemahan	terjemahan terus
transposition	penyusunan semula	penyongsangan
translation label	nama terjemahan	label terjemahan
translation couplets	terjemahan serangkai	regu terjemahan
modulation	Pengubahan sedikit sebanyak	modulasi
compensation	Maklumat tambahan	pengimbangan
neologisms	Kata-kata baru	Perkataan baharu

Kertas kerja ini secara amnya membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh tenaga pengajar universiti, khususnya UKM, dalam bidang pengajian terjemahan. Antara masalah-masalah yang timbul ialah kurangnya sumber bacaan teks akademik tentang bidang-bidang terjemahan dan bidang ilmu yang berkaitan dalam bahasa Melayu. Buku-buku rujukan dari luar negara sememangnya banyak tetapi masalah lain pula timbul iaitu menterjemahkan teks akademik ke dalam bahasa Melayu. Ketiadaan daftar kata istilah menyebabkan penggunaan istilah yang tidak konsisten dan ini menyukarkan kerja-kerja penterjemahan. Dapatan menunjukkan penterjemah teks *Pendekatan Penterjemahan* terbitan DBP ini menggunakan istilah yang tidak sama dengan istilah yang digunakan oleh tenaga pengajar universiti. Penterjemah juga tidak konsisten dalam penggunaan istilah dalam teks terjemahan tersebut. Kertas ini mencadangkan satu senarai istilah (lihat Lampiran 1) yang diambil dari korpus yang dipilih untuk dijadikan satu prototaip daftar kata istilah yang boleh diperkemaskan untuk kegunaan rujukan dan penterjemahan teks dalam bidang pengajian terjemahan.

RUJUKAN

1. Abdullah Hassan. 1992. Perancangan Bahan Peristilahan. Dlm. *Ke Arah Pembentukan Istilah Yang Sempurna*. Hlm. 315-330. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Ainon Mohd & Abdullah Hassan. 2001. *Teori dan Teknik Terjemahan*. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
3. Kassim Ahmad. 1991. Beberapa Masalah Terjemahan di Malaysia. Dlm. Noor Ein Hj. Mohd Noor & Atiah Hj. Salleh (pnyt.) *Pragmatik Penterjemahan – Prinsip, Amalan dan Penilaian Menuju Ke Abad 21*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
4. Newmark, Peter. 1982. *Approaches to Translation*. London: Prentice Hall.
5. Othman Ismail. 1992. Peristilahan Bahasa Melayu: Di Antara Konsep, Makna dan Definisi. *Ke Arah Pembentukan Istilah Yang Sempurna*. Hlm. 111-121. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
6. Wan Muhamad Saridan Wan Hassan & Rio Sumarni Sharifuddin – Penterjemahan Sains: Beberapa Masalah Menurut Pendatang Baharu. Dlm. Noor Ein Hj Mohd Noor & Atiah Hj salleh (pnyt.) *Pragmatik Penterjemahan – Prinsip, Amalan dan Penilaian Menuju Ke Abad 21*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
7. Zainab Ahmad & Zaiton Ab Rahman. 1994 (terj.) *Pendekatan Penterjemahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

LAMPIRAN 1

Istilah sumber dan terjemahannya yang telah dikumpulkan

No	Istilah dari Teks Sumber	Istilah dari Teks Sasaran
1	Transcription	Transkripsi (Pinjam)
2	Literal Translation	Terjemahan harfiah
3	Through Translation	Pinjaman terjemahan
4	Recognised Translation	Terjemahan yang diakui
5	Cultural Equivalent	Padanan budaya
6	Translation label	Nama terjemahan
7	Translation Couplets	Terjemahan serangkai
8	Translation Triplets	Terjemahan tiga serangkai
9	Deletion	Pelesapan
10	Naturalisation	Penyerapan
11	Metaphor	Metafora (Pinjaman)
12	Supplementary Info	Maklumat pilihan/maklumat tambahan
13	Cultural terms	Istilah budaya
14	Glosses	Huraian
15	Cliché	Klise (Pinjaman)
16	Informative Text	Teks bermaklumat
17	Vocative Text	Teks vokatif (Pinjaman)
18	Expressive Text	Teks ekspresif (Pinjaman)
19	Intralingual Device	Tatacara penterjemahan
20	Taboo	Tabu (Pinjaman)
21	Simile	Perbandingan (Simile)
22	Communicative Translation	Terjemahan komunikatif (Pinjaman)
23	Semantic Translation	Terjemahan semantik (Pinjaman)
24	Equivalent Effect	Kesan kesepadanan
25	Poetry Translation	Terjemahan sajak
26	Compensation	Maklumat tambahan
27	Sensible translation	Terjemahan yang sesuai
28	Componential analysis	Analisis komponen (Pinjaman)
29	Under- translation	Terjemahan yang dangkal
30	Over -translation	Terjemahan yang berlebihan
31	Metonyms	Metonim (Pinjaman)
32	Neologisms	Kata-kata baru
33	Multiple Shift Procedures	Tatacara tukar-ganti yang berbagai-bagai
34	Dynamic Equivalence	Kesepadanan dinamik
35	Natural Translation	Terjemahan semula jadi
36	Loan Translation	Pinjam terjemah
37	Translating slang	Terjemahan slanga
38	Sense	Maksud/ pengertian
39	Interlinear Translation	Terjemahan antara baris
40	Functional Translation	Terjemahan fungsian
41	Terjemahan word-play	Terjemahan mainan kata
42	Proverbs	Peribahasa
43	Loss in meaning	Kehilangan makna
44	Connotation	Konotasi (Pinjaman)
45	free translation	terjemahan bebas
46	colloquial rendering	pembentangan bahasa percakapan
47	natural rendering	pembentangan semula jadi
48	interpreter	pentafsir
49	adequate translation	terjemahan yang memuaskan
50	literary translation	terjemahan sastera
51	non-literary translation	terjemahan bukan sastera
52	technical translation	terjemahan teks teknik
53	standardized language	bahasa baku

54	non-standardized language	bahasa bukan baku
55	overtranslation	penterjemahan berlebihan
56	undertranslation	penterjemahan berkurangan
57	paraphrase	parafrasa
58	transliteration	transliterasi
59	conventional canons	kaedah lazim
60	source language	bahasa sumber
61	target language	bahasa sasaran
62	cultural translation	terjemahan budaya
63	linguistic translation	terjemahan bahasa
64	dynamic equivalence	terjemahan semulajadi
65	formal equivalence	terjemahan kaku
66	translation procedures	tatacara terjemahan
67	transposition	penyusunan semula
68	modulation	pengubahan sedikit sebanyak
69	equivalence	kesepadanan
70	adaptation	penyesuaian
71	machine translation	terjemahan berkomputer
72	equivalent-effect principle	dasar kesan sepadan
73	mistranslation	salah terjemah
74	information translation	terjemahan maklumat
75	expressive function	fungsi ekspresif
76	informative function	fungsi informatif
77	vocative function	fungsi vokatif
78	communicative translation	penterjemahan komunikatif
79	semantic translation	penterjemahan makna
80	compromises	tolak ansur
81	polysemy	perkataan pelbagai makna
82	referential ambiguity	Ketaksaan rujukan
83	cultural ambiguity	Ketaksaan budaya
84	pragmatic ambiguity	Ketaksaan pragmatik
85	Peripheral meaning	Makna sampingan
86	Lexical translation	Penterjemahan leksikal
87	One-to-one translation	Terjemahan perkataan demi perkataan
88	Generic terms	Istilah induk
89	Loan words	Kata pinjaman
90	Lexical synonymy	Sinonim leksikal
91	expansion	Pengembangan
92	contraction	Pengecilan
93	rearrangement	Penyusunan semula
94	Text-linguistics	Linguistik naskhah
95	cohesion	Keterikatan
96	Cognitive translation	Terjemahan kognitif